

# PM tinjau projek bekalan air

BH 21 APR 2002

BENGHAZI: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam meninjau projek pembekalan air The Great Man-Made River yang dianggap antara struktur buatan manusia paling menakjubkan di dunia.

Fasa pertama projek itu yang dimulakan pada 28 Ogos 1991, merangkumi 1,300 perigi sedalam kira-kira 500 meter bagi mendapatkan air dari perut bumi untuk disalurkan bagi kegunaan domestik dan pertanian.

Keseluruhan rangkaian sistem pengagihan air itu, sepanjang 3,500 kilometer, membekal kira-kira 6.5 juta meter padu air setiap hari atau bersamaan bekalan 1,000 liter air untuk setiap penduduk sehari.

Projek yang menjadi kebanggaan negara itu serta digelar 'Keajaiban Kelapan' juga membabitkan pembinaan lima empangan yang mampu menampung 54.9 juta meterpadu air.

Projek bekalan air bawah tanah itu yang membabitkan tiga fasa itu bernilai AS\$19.58 bilion, berjaya

menukar kawasan seluas 159,000 hektar untuk tujuan pertanian.

Perdana Menteri dan rombongan yang tiba dari Tripoli semalam, dibawa ke Empangan Omar Mokhtar The Great Man-Made River, iaitu kira-kira 50 kilometer dari lapangan terbang Benghazi sebelum diberi penerangan keseluruhan operasi projek pembekalan air itu di ibu pejabat projek di Suluq, Benghazi.

Selepas melawat projek The Great Man-Made River, Dr Mahathir dan rombongan dibawa melawat makam dan tugu peringatan pejuang kemerdekaan Libya, Omar Mokhtar.

Di tugu peringatan itu juga diletakkan tali gantung yang digunakan untuk menghukum Omar oleh tentera Itali.

Perdana Menteri dan delegasi Malaysia yang merangkumi Menteri Kabinet, Menteri Besar, pegawai kanan kerajaan serta ahli perniagaan tiba di sini semalam dari Casablanca Maghribi, dalam rangka lawatan tiga hari ke Libya.